

03 FEB 2000

DR MAHATHIR SAMBUT MAJLIS HARI RAYA BADAN KEBAJIKAN JPM

PUTRAJAYA, Feb 3 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri majlis sambutan Hari Raya Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri di pejabatnya di sini hari ini.

Turut hadir ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan kira-kira 150 kakitangan pejabat itu.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada anggota perkhidmatan awam khususnya anggota Jabatan Perdana Menteri yang banyak memberi kerjasama melancarkan tugas-tugasnya.

Katanya sepanjang beliau menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri suasana kerja di JPM amat menyenangkan dan mesra.

Dr Mahathir turut merakamkan rasa syukur kerana mendapat sokongan dan kerjasama kakitangan JPM dan perkhidmatan awam, amnya dalam menjalankan tugasnya.

--BERNAMA

AR RI